

E-BULLETIN BULAN MAC 2022

JABATAN PEMBANGUNAN & PENGURUSAN AKADEMIK

INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (ICEPS)

1. LAPOR DIRI KETUA PUSAT PENGAJIAN PROGRAM PRA-SISWAZAH *HOMEGROWN* ICEPS DI JABATAN PEMBANGUNAN & PENGURUSAN AKADEMIK

Jabatan Pembangunan & Pengurusan Akademik menyambut kedatangan staf baharu iaitu Prof. Madya Dr. Masturah binti Ma'in yang telah melapor diri pada 15 Mac 2022 sebagai Ketua Pusat Pengajian Program Pra-Siswazah *Homegrown* ICEPS. Beliau akan mengetuai pengurusan program pra-siswazah seperti Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian), Sijil Annex dan Sijil Aperantis. Pihak JPPA berharap agar Prof. Madya Dr Masturah binti Ma'in dapat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan cemerlang sekaligus mendorong kepada pencapaian JPPA dan ICEPS.



ORGANIZATIONAL CHART



2. MESYUARAT JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM (JKPPP) KE-51 BILANGAN 03 TAHUN 2022

Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) Ke-51 Bilangan 03 Tahun 2022 yang dipengerusikan oleh YBhg Prof. Dr. Azizah binti Abdullah yang menjalankan fungsi Penolong Naib Canselor telah berlangsung pada 16 Mac 2022 secara dalam talian menerusi aplikasi *Cisco Webex*. Wakil daripada iCEPS disertai oleh Prof. Dr. Faizah binti Abd Majid (Pengarah JPPA), Prof. Madya Dr. Masturah binti Ma'in (KPP Program Pra-Siswazah *Homegrown* iCEPS), Cik Nur Izzati Syuhadah binti Abdullah (Penolong Pendaftar JPPA) dan En. Faisal 'Irfan bin Mohamed Fuad (Pegawai Eksekutif JPPA). Dalam mesyuarat tersebut, ahli JKPPP bersetuju terhadap penawaran program ini kerana dapat memupuk kepelbagaian kemahiran dan pengetahuan dalam diri pelajar. Walau bagaimanapun, ahli JKPPP memohon agar pihak iCEPS membuat penambahbaikan pada *Area of Concern* bagi dokumen permohonan Akreditasi Sementara bagi program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian) yang dijalankan di iCEPS sebelum mengembalikan semula kepada pihak InQKA pada tarikh yang ditetapkan.

JEMPUTAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM (JKPPP) KE-51 BILANGAN 03 TAHUN 2022

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. **Bersama ini dimajukan maklumat perubahan masa pada agenda mesyuarat.**

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, YBhg Prof/Dato'/Datin/Tuan/Puan dijemput untuk menghadiri mesyuarat seperti yang dinyatakan di atas pada tarikh dan masa seperti berikut:-

Tarikh : 16 Mac 2022 (Rabu)

Masa : mengikut slot yang telah ditetapkan

Pautan : [Join Webex meeting](#)
ID: 25185239434
Password: RsMrUJNe528

Aturcara

2:30 petang - Pembukaan, Pengesahan Minit Mesyuarat dan Perkara-perkara Berbangkit

2:45 petang - Permohonan Akreditasi Sementara bagi program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian) / Bachelor of General Studies (Honours) yang dijalankan di Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS)

3:15 petang - Permohonan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan Bagi Program Diploma Pengajian Perniagaan (Insurans) / Diploma Pengajian Insurans/ *Diploma in Business Studies (Insurance)* / *Diploma in Insurance Studies* yang dijalankan di Universiti Teknologi MARA Cawangan Melakan Kampus Alor Gajah dan Universiti Teknologi MARA Shah Alam

3:45 petang - Permohonan Akreditasi Penuh Program (AS257) Sarjana Muda Sains (Kepujian) Mikrobiologi Gunaan / Bachelor of Science (Hons) Applied Microbiology yang dijalankan di Universiti Teknologi MARA Shah Alam

4:15 petang - Permohonan Akreditasi Penuh Program (CS709) Sarjana Sains Keselamatan Siber dan Forensik Digital / *Master of Science in Cybersecurity and Digital Forensics* yang dijalankan di Universiti Universiti Teknologi MARA (UiTM) Alam

4:45 petang - Permohonan Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan bagi program (MD775) Sarjana Etika dan Undang-undang Perubatan / *Master in Medical Ethics and Law* yang dijalankan di Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh.

5:15 petang - Hal-Hal Lain

- i-Penyenaraian di MQR Program Sarjana Sains (Perubatan)
- ii-Perbezaan Maklumat Program pada surat kelulusan JKPT dan Penawaran Sementara - Sarjana Muda Pendidikan Sains (Kepujian) Biologi
- iii-Perbezaan Maklumat Program pada surat kelulusan JKPT dan Penawaran Sementara - Diploma Teater
- iv-Pemakluman : Lokasi Program Sarjana Keusahawanan Gunaan
- v-Pemakluman : Part A Dokumen Penilaian Code of Practice For Programme Accreditation (COPPA)
- vi-Ringkasan Penyenaraian Program

3. Mesyuarat ini akan dipengerusikan oleh YBhg Prof Dr Azizah Abdullah yang menjalankan fungsi sebagai Penolong Naib Canselor. Kerjasama dan perhatian YBhg Prof/Dato'/Datin/Tuan/Puan di dahului dengan ucapan terima kasih.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pengembangan
Ilmu

IQA-01 Provisional Accreditation Programme
Assessment Report

Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian)

Bachelor Of General Studies (Honors)


Institute of Continuing Education & Professional
Studies (ICEPS)

March 2022

3. PERMOHONAN KELULUSAN UNTUK MENGADAKAN SESI *MEET AND GREET & TOUCH BASE* BERSAMA KONSORTIUM INDUSTRI INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN & PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)

Permohonan kelulusan untuk mengadakan sesi *Meet and Greet & Touch Base* bersama Konsortium Industri iCEPS telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) iCEPS Bil. 72/2022 pada 28 Mac 2022. Emel dan surat jemputan telah diserahkan kepada En. Megat Fazrul Azlin (Ketua Jabatan Graduate & Emerging Talent, Talent Corporation Malaysia Berhad) untuk dimajukan kepada rakan konsortium industri. Objektif sesi *Meet and Greet & Touch Base* ini diadakan adalah untuk:

- i. Memaklumkan kepada konsortium industri iCEPS perkembangan terkini program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian)
- ii. Merapatkan hubungan antara iCEPS dan konsortium industri iCEPS melalui perjumpaan bersama Ketua Eksekutif, Pengarah, Ketua Pusat Pengajian serta pentadbiran Jabatan Pembangunan & Pengurusan Akademik iCEPS.
- iii. Mendapatkan input, maklum balas serta menjawab pertanyaan daripada konsortium industri iCEPS berkenaan program Sarjana Muda Pengajian Am (Kepujian).
- iv. Memperkenalkan program baharu iaitu Sarjana Eksekutif dalam Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Executive Master in OSH Training) serta mendapatkan maklumbalas pihak konsortium industri.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



iCEPS
INSTITUTE OF CONTINUING
EDUCATION & PROFESSIONAL STUDIES

Jemputan

Meet and Greet & Touch Base bersama Konsortium Industri iCEPS



Sila Imbas Kod QR



RSVP

10.05.2022

3.00 PM - 5.00 PM


Tempat :

Hotel UiTM Shah Alam

Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Cik Izzati: 03-5544 8225 En. 'Irfan: 03-5544 8219

4. PROFESSIONAL CERTIFICATE IN OSH LEADERSHIP

Pada 19 Mac 2022 (Sabtu), telah bermula kelas pertama Professional Certificate in OSH Leadership secara atas talian (*online*) dengan penyertaan seramai 12 orang peserta. Peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan dan pendidikan yang semuanya sangat berminat untuk mendalami pengetahuan berkaitan bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Program ini amat menekankan kepada elemen kepimpinan dalam bidang KKP dan berhasrat agar para pelajar dapat menerapkan apa yang mereka pelajari di tempat kerja mereka. Program ini disampaikan oleh Dr. Zamree Bin Amin, pakar berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang KKP di industri.



5. SESI PERBINCANGAN PENUBUHAN PROGRAM DIPLOMA PROFESIONAL PENGURUSAN HOTEL BERSAMA PIHAK ICEPS DAN FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN (FPHP)

Pada 22 Mac 2022, satu sesi perbincangan penubuhan program Diploma Profesional Pengurusan Hotel telah diadakan bersama wakil ICEPS iaitu Pengarah Jabatan, Penolong Pendaftar dan Pegawai Eksekutif. Selain itu, turut hadir wakil daripada Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan antaranya Dekan Fakulti, Ketua Pusat Pengajian FPHP dan ICEPS, dan Penolong Pendaftar. Perbincangan adalah untuk menerangkan tentang program yang bakal dijalankan kepada Dekan Fakulti dan staf yang terlibat. Pihak Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan menerima baik cadangan dan kolaborasi penawaran dan seterusnya menjalankan program Diploma Profesional Pengurusan Hotel.

